

Semua Pengarah Parit dan Tali Air
Negeri;

(8)dlm.PPT.
302/412

Semua Jurutera Projek;

28 Okt. 1988

Semua Ketua Cawangan/Unit JPT Kuala Lumpur.

Tuan,

SURAT PEKELILING JPT. CUB. BIL: 2/1988

**PERATURAN DAN PIHAK-PIHAK BERKUASA MELULUSKAN
ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI KONTRAK KERJA**

1. **Pendahuluan**

- 1.1 Sebagaimana yang tuan-tuan sedia maklum, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/1988 bertarikh 20hb. Januari 1988 mengenai perkara di atas. Bersama-sama ini disertakan satu salinan Surat Pekeliling tersebut untuk dipatuhi.
- 1.2 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/88 bertujuan untuk mengurangkan perubahan kerja dan memperkemaskan lagi prosedur mendapatkan kelulusan untuk mengeluarkan arahan perubahan kerja. Selaras dengan pengeluaran pekeling tersebut, Arahan Perbendaharaan 202 dan 203 telah pun dipinda.
- 1.3 Untuk mematuhi kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/88, peraturan-peraturan yang disebut di bawah hendaklah dipatuhi.

2. **Kelulusan Terlebih Dahulu Sebelum Mengeluarkan Arahan
Perubahan Kerja dan Pengecualian Daripadanya**

- 2.1 Sebelum arahan yang melibatkan perubahan kerja dikeluarkan kepada kontraktor, Pegawai Penguasa (P.P.) hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada pihak yang berkuasa mengikut kehendak A.P.202(E) kecuali bagi perubahan-perubahan yang dinyatakan di perenggan 2.2 bawah.

...2/-

2.2 Perubahan-perubahan yang dinyatakan di bawah A.P.202(f) adalah dikecualikan dari kehendak A.P.202(e) untuk mendapat kelulusan terlebih dahulu. Penjelasan lanjut mengenai maksud perubahan yang menyebabkan pengurangan harga kontrak sepertimana yang dinyatakan di bawah A.P.202(f)(i), dan pelarasan Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara, dan pengukuran semula kuantiti sementara sepertimana yang dinyatakan di bawah A.P.202(f)(iii) adalah diberi di Lampiran A.

3. **Penubuhan Jawatankuasa Untuk Meluluskan Pengeluaran Arahan Perubahan Kerja Dan Penilaian Tuntutan Di bawah A.P.202(e) dan A.P.202(f)(iv)**

3.1 Jawatankuasa untuk meluluskan pengeluaran arahan perubahan kerja sepertimana yang ditetapkan oleh A.P.202(e) hendaklah dianggotai seperti berikut:

(a) Di peringkat Negeri atau Projek mengikut A.P.202(e)(i).

- (i) Pengarah Negeri atau Jurutera Projek.(Pengerusi)
- (ii) Jurutera terkanan di Pejabat Negeri atau Pejabat Projek Berkenaan. (Ahli).
- (iii) Juruukur Bahan (tempatan). (Ahli)

(b) Di peringkat Timbalan Ketua Pengarah mengikut A.P.202(e)(iii).

- (i) Timbalan Ketua Pengarah (Pengerusi).
- (ii) Penolong Ketua Pengarah yang berkenaan (Ahli).
- (iii) Pengarah Ukur Bahan (Ahli).

(c) Di peringkat Ketua Pengarah mengikut A.P.202(e)(iv).

- (i) Ketua Pengarah (Pengerusi).
- (ii) Penolong Ketua Pengarah yang berkenaan (Ahli).
- (iii) Pengarah Ukur Bahan (Ahli).

3.2 Jawatankuasa untuk meluluskan penilaian tuntutan sepertimana yang ditetapkan oleh A.P.202(f)(iv) hendaklah dianggotai seperti berikut:

- (a) Bagi tuntutan untuk kerugian dan perbelanjaan disebabkan oleh kelambatan Kerajaan dan/atau kerana mematuhi arahan Pegawai Penguasa atau kerana mematuhi keperluan berkanun di bawah A.P.202(f)(iv)(a); dan percanggahan dalam atau antara dokumen-dokumen kontrak di bawah A.P.202(f)(iv)(b).
 - (i) Ketua Pengarah (Pengerusi).
 - (ii) Penolong Ketua Pengarah yang berkenaan. (Ahli).
 - (iii) Pengarah Negeri/Jurutera Projek (Ahli).
 - (iv) Pengarah Ukur Bahan (Ahli).
 - (v) Penasihat Undang-Undang (Kementerian) (Ahli).

- (b) Bagi tuntutan (selain daripada tuntutan yang dinyatakan dalam A.P.202(f)(iv)(a) dan (b)) yang dengan nyatanya dibenarkan dalam syarat-syarat kontrak di bawah A.P.202(f)(iv)(c); dan kos yang ditanggung berhubung dengan fee dan caj pemindahan pementakan, bekalan air, bekalan elektrik dan lain-lain yang berkaitan di bawah A.P.202(f)(iv)(d).
 - (i) Ketua Pengarah (Pengerusi).
 - (ii) Penolong Ketua Pengarah yang berkenaan (Ahli).
 - (iii) Pengarah Ukur Bahan (Ahli).
 - (iv) Pengarah Negeri/Jurutera Projek yang berkenaan (Ahli).

4. **Permohonan Untuk Mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja**

- 4.1 Permohonan untuk mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang di Lampiran B
- 4.2 Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja hendaklah diberi masa yang mencukupi untuk mencapai keputusan. Bagi permohonan yang memerlukan kelulusan Jawatankuasa di peringkat Ibu Pejabat, semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Jawatankuasa (Cawangan Ukur Bahan) sekurang-kurangnya tiga (3) minggu sebelum tarikh arahan perlu dikeluarkan.
- 4.3 Bagi permohonan di peringkat Negeri/projek, Pengarah Negeri/Jurutera Projek dikehendaki menubuhkan Urusetia masing-masing.

5. Permohonan Kelulusan Penilaian Kerja Perubahan

- 5.1 Semua penilaian kerja perubahan hendaklah dikemukakan semula untuk kelulusan jawatankuasa dengan menggunakan borang di Lampiran 'C' jika:
- (a) Nilai kerja perubahan melebihi nilai yang telah diluluskan oleh awatankuasa Arahan Perubahan Kerja; dan atau
 - (b) Penilaian kerja perubahan (termasuk kerja perubahan yang dinyatakan di bawah A.P. 202 (f)(i) dan (iii)) adalah berasaskan kadar harga yang tidak terkandung dalam kontrak.
- 5.2 Walaubagaimanapun Pegawai Penguasa Projek adalah diberi kuasa untuk meluluskan penilaian kerja perubahan jika:
- (a) Nilai kerja perubahan tidak melebihi nilai yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja; dan atau
 - (b) Penilaian kerja perubahan adalah berasaskan kadar harga yang terkandung dalam kontrak atau kadar harga baru yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja;
- 5.3 Kuasa yang dinyatakan di para 5.2 di atas adalah bagi Pegawai Penguasa yang terdiri pegawai kerajaan sahaja. Bagi projek-projek di mana Pegawai Penguasa adalah Jurutera Perunding Kuasa untuk meluluskan adalah diberi kepada pegawai yang menandatangani kontrak melainkan bagi kontrak yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan ke atas di mana kuasa untuk meluluskan adalah diberi kepada Ketua Pengarah.

6. Permohonan Kelulusan Penilaian Tuntutan

- 6.1 Semua penilaian tuntutan kontraktor yang dinyatakan di dalam A.P.202(f)(iv) hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Tuntutan yang ditubuhkan mengikut perenggan 3.2.
- 6.2 Laporan dan perakuan Pegawai Penguasa hendaklah memberi maklumat berikut dan dikemukakan dalam lima (5) salinan.
- (a) Butir-butir kontrak seperti
 - (i) Tajuk, nombor dan harga kontrak,
 - (ii) Nama dan alamat kontraktor;

- (iii) Tarikh milik tapak;
 - (iv) Tarikh siap dalam kontrak;
 - (v) Lanjutan masa yang diberi dan sebab-sebabnya;
 - (vi) Tarikh siap dilanjutkan; dan
 - (vii) Tarikh siap sebenar.
- (b) Sinopsis peristiwa yang menyebabkan tuntutan dibuat oleh kontraktor.
 - (c) Asas tuntutan kontraktor.
 - (d) Butiran-butiran perkara yang dituntut dan dinilainya.
 - (e) Perakuan Pegawai Penguasa secara prinsip mengapa tuntutan kontraktor seharusnya diberi layanan.
 - (f) Perakuan Pegawai Penguasa yang detail dan lengkap mengenai ganti rugi yang kontraktor layak dibayar.

7. Pengurangan Perubahan Kerja dan Pengawalan Kos Projek

7.1 Pegawai Penguasa hendaklah sentiasa berusaha mengurangkan perubahan kerja dan mengawal kos projek. Kaedah-kaedah berikut hendaklah diikuti:

- (a) Berunding dengan pihak jabatan pelanggan supaya semua permintaan Perubahan Kerja dapat dikurangkan ke tahap minima. Dimana permintaan Perubahan Kerja tidak dapat dielakkan pastikan ianya dibuat secara bertulis.
- (b) Mengkaji dengan teliti sama ada perubahan kerja betul-betul diperlukan dan menasihatkan jabatan pelanggan atas implikasi kos dan kesan-kesan lain yang mungkin timbul disebabkan perubahan kerja yang diminta. Jika perubahan kerja tidak dapat dielakkan, kajian hendaklah dibuat sama ada kerja dapat dilakukan dengan cara lain di luar kontrak.
- (c) Memastikan bahawa perubahan kerja tidak diarahkan sebelum
 - (i) Implikasinya ke atas harga kontrak dan kesan ke atas kemajuan kerja kontraktor dikaji dengan teliti;

- (ii) Kelulusan mengikut A.P.202(e) diperolehi terlebih dahulu daripada pihak yang berkuasa; dan
- (iii) Peruntukan Wang sedia ada untuk menampung perbelanjaan tambahan dikehendaki.

8. **Penguatkuasaan Surat Pekeliling ini**

- 8.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa bagi semua arahan yang dikeluarkan pada atau selepas 1.3.88.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah

(IR. D.N. WELCH)
b.p.: Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

s.k. - Ketua Pengarah,
PKP (U).
PKP (S).
PKP (Teknikal).
PKP (Projek).

PELARASAN LANJUT MENGENAI MAKSUDNYA

1. PERUBAHAN KERJA YANG MENYEBABKAN PENGURANGAN HARGA KONTRAK.
2. PELARASAN WANG POS PRIMA.
3. PELARASAN WANG PERUNTUKAN SEMENTARA.
4. PENGUKURAN SEMULA KUANTITI SEMENTARA.

1. **Perubahan Kerja Yang Menyebabkan Pengurangan Harga Kontrak**

"Perubahan kerja yang menyebabkan pengurangan harga kontrak" ertinya perubahan kerja yang hasil penilaiannya (yang melibatkan hanya "potongan" atau "potongan" dan "tambahan") adalah "potongan" daripada Jumlah Harga Kontrak. Di mana penilaian sesuatu perubahan kerja melibatkan "potongan" dan "tambahan", "potongan" dan "tambahan" itu hendaklah setiap "potongan" dan "tambahan" yang TIDAK BERKENAAN dengan elemen atau komponen kerja yang sama hendaklah dianggap sebagai perubahan kerja yang berasingan.

2. **Pelarasan Wang Kos Prima**

"Pelarasan Wang/Kos Prima" ertinya pelarasan Jumlah Harga Kontrak secara memotong peruntukan Wang Kos Prima dan keuntungan Kontraktor dan caj layanan dalam kontrak dan menggantikannya dengan Jumlah Harga sebenar Sub-Kontrak Dinamakan dan amaun yang kena dibayar kepada Kontraktor untuk keuntungan dan caj layanan. Di mana Kontraktor sendiri melaksanakan kerja yang untuknya Wang Kos Prima disediakan, harga tender Kontraktor yang disetujuterima hendaklah menggantikan Wang Kos Prima dan keuntungan Kontraktor dan caj layanan dalam kontrak. Sebarang perubahan kepada kerja Sub-kontrak Dinamakan atau kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor hendaklah dianggap sebagai satu perubahan yang tertakluk kepada kehendak-kehendak A.P.202(e).

3. **Pelarasan Wang Peruntukan Sementara**

"Pelarasan Wang Peruntukan Sementara" ertinya pelarasan Jumlah Harga Kontrak secara menggantikan Wang Peruntukan Sementara dalam kontrak dengan jumlah sebenar yang kena dibayar kepada Kontraktor. Di mana penilaian ke atas kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor melibatkan kadar harga yang tidak terdapat dalam kontrak, kelulusan daripada Jawatankuasa Melulus Perubahan Harga mesti diperolehi selaras dengan perenggan 5.1 Surat Pekeliling ini. Di mana Wang Peruntukan Sementara dianggap sebagai Wang Kos Prima dan diuruskan sedemikian, pelarasannya hendaklah seperti yang dihuraikan dalam perenggan 2 di atas.

4. **Pengukuran Semula Kuantiti Sementara**

"Pengukuran semula kuantiti sementara" ertinya pengukuran kerja sebagaimana ianya dilaksanakan di Tapak Bina. Skop, rekabentuk dan kualiti kerja itu hendaklah TIDAK BERUBAH daripada yang ditunjukkan dalam pelan-pelan dan/atau dihuraikan dalam spesifikasi dalam Kontrak. Sebarang pindaan atau perubahan ke atas skop, rekabentuk atau kualiti kerja daripada yang ditunjukkan dalam pelan-pelan dan atau dihuraikan dalam spesifikasi dalam Kontrak hendaklah dianggap sebagai perubahan yang tertakluk kepada kehendak A.P.202(e).